



Hospital Tengku Anis

LAPORAN TAHUNAN 2024

UNIT FARMASI





Isi Kandungan

PRAKATA KETUA UNIT	01
Pengenalan, Visi, dan Misi	02
CARTA ORGANISASI	03
SUMBER MANUSIA	04
SKOP PERKHIDMATAN	05
FASILITI DAN KEMUDAHAN	06
PENGURUSAN RISIKO KESELAMATAN	07
AKTIVITI UNIT FARMASI	08
STATISTIK DAN RETEN	09
PERANCANGAN MASA DEPAN	10

SIDANG EDITORIAL LAPORAN TAHUNAN UNIT FARMASI TAHUN 2024

Penasihat

Pn Hasnah binti Ibrahim
Pn Wan Zamilah binti Wan Seman

Ahli Editorial

Encik Shahrol Adahal bin Ramli
Encik Muhammad Ikhmal bin Azhar
Cik Siti Asiah binti Mohd Noor

PRAKATA KETUA UNIT



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Syukur ke hadirat Allah SWT atas rahmat dan kurnia-Nya, sehingga laporan akhir tahun ini dapat diselesaikan dengan baik. Laporan ini disusun untuk memaparkan secara menyeluruh atas pencapaian dan pelaksanaan kegiatan unit Farmasi Hospital Tengku Anis selama satu tahun pada tahun 2024.

Ucapan terima kasih tak terhingga disampaikan kepada pimpinan atasan atas arahan dan sokongannya. Terima kasih juga kepada seluruh anggota unit Farmasi Hospital Tengku Anis yang telah bekerja keras dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan menjayakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

Laporan ini memuatkan rangkuman pencapaian dan kegiatan untuk tahun 2024. Diharapkan laporan ini dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai skop perkhidmatan farmasi, pengurusan ubat, pendidikan dan latihan serta menjadi bahan evaluasi untuk penambahbaikan pada tahun seterusnya.

Akhir kata, kami mohon maaf atas segala kekurangan dalam penyusunan laporan ini. Semoga laporan ini dapat bermanfaat bagi meningkatkan prestasi Unit Farmasi Hospital Tengku Anis.

Sekian, terima kasih

PUAN HASNAH BINTI IBRAHIM
KETUA PEGAWAI FARMASI
HOSPITAL TENGKU ANIS

PENGENALAN



Gambar kakitangan unit farmasi 2024

Unit Farmasi Hospital Tengku Anis merupakan satu unit yang memainkan peranan penting dalam pengurusan serta pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit luar dan dalam hospital. Unit ini merangkumi 6 lokasi utama iaitu Farmasi Logistik, Farmasi Pesakit Dalam (FPD), Farmasi Pesakit Luar (FPL), Farmasi Wad, Farmasi Galenikal, Unit Pusat Maklumat Ubat dan Sumber Farmasi (PRIC). Jabatan ini menyediakan perkhidmatan sokongan yang signifikan dalam memastikan pesakit menerima ubat-ubatan yang tepat, berkualiti, berkesan dan selamat, disertakan dengan arahan serta maklumat yang jelas berkaitan penggunaannya. Selain itu, jabatan ini juga bertanggungjawab dalam memantau penggunaan ubat-ubatan secara lebih rasional.

VISI, MISI DAN OBJEKTIF

VISI



Meningkatkan kesihatan rakyat menerusi kecemerlangan dalam amalan farmasi.

MISI



Menerajui Perkhidmatan Farmasi yang dinamik dengan memberikan penekanan pada tahap kewibawaan yang tinggi, profesionalisme dan kecemerlangan sejajar dengan aspirasi dan cabaran semasa.


OBJEKTIF




1. Menyediakan perkhidmatan Farmasi yang efisien dan berkesan kepada pelanggan.
2. Membuat perolehan dan pembekalan ubat-ubatan dan peralatan yang berkualiti secara optima mengikut keperluan organisasi.
3. Memastikan pesakit mendapat bekalan ubat yang betul, berkualiti dan selamat dengan penerangan yang jelas.
4. Memantau penggunaan ubat-ubatan yang rasional (Rational Drug Use)
5. Memberi maklumat terkini berkaitan ubat-ubatan apabila diperlukan.

CARTA ORGANISASI HOSPITAL

CARTA ORGANISASI HOSPITAL TENGGU ANIS PASIR PUTEH



CARTA ORGANISASI UNIT FARMASI



SUMBER MANUSIA

SENARAI PENJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN PADA TAHUN TERKINI

Bil	Jawatan	Penjawatan	Pengisian	kekosongan
1	Pegawai Farmasi UF 41-54	10	10	0
2	Pegawai Farmasi UF 41 (kontrak)	-	3+1 (prp)	-
3	Penolong Pegawai Farmasi U 36	1	1	0
4	Penolong Pegawai Farmasi U 32	1	1	0
5	Penolong Pegawai Farmasi U 29	6	5 (1 U32 KUP)	1
6	Pembantu Tadbir N22	1	1 (1 N26 TBK)	0
7	Pembantu Tadbir N19	2	2 (2 N22 KUP)	0
8	Pembantu tadbir W19	1	1 (1 W22TBK)	0
9	Pembantu Perawatan kesihatan (PPK)	2	1 (1 U14 KUP)	1
10	Pekerja awam	2	1	1
	Jumlah	26	23+4	3

SUMBER MANUSIA

SENARAI MAKLUMAT DIRI STAF FARMASI

Bil	Nama Pegawai	JAWATAN	No APC
1	PN. HASNAH BINTI IBRAHIM	KETUA PEGAWAI FARMASI UF54	002092/2024
2	PN. WAN ZAMILAH BINTI WAN SEMAN	PEGAWAI FARMASI UF54	001404/2024
3	EN. MOHD 'IZZUDDIN BIN MOHD JAAFFAR	PEGAWAI FARMASI UF52	005145/2024
4	PN. SITI NURSAFARINA BINTI MOHD SABRI	PEGAWAI FARMASI UF52	001882/2024
5	EN. MUHAMMAD FARIS BIN HUSSAIN	PEGAWAI FARMASI UF52	007355/2024
6	PN. NOR NABILAH BINTI MOHAMED @ MOHAMAD	PEGAWAI FARMASI UF52	000407/2024
7	EN. MUHAMMAD HUSNI BIN ABD RAHMAN	PEGAWAI FARMASI UF48	001973/2024
8	PN. TUAN NUR MURNI SYAKINAH BINTI TUAN WIL	PEGAWAI FARMASI UF44	004020/2024
9	PN AINIL NASUHA BINTI MOHD NASIR	PEGAWAI FARMASI UF41	021431/2024
10	EN MUHAMAD AFIQ AIMAN BIN AHMAD PAKRI	PEGAWAI FARMASI UF44	020835/2024
11	CIK TENGKU NORSHAHERAH BINTI TENGKU MOHD NORDIN	PEGAWAI FARMASI UF41	020639/2024
12	CIK NIK ANIS QISTINA BINTI NIK NAJHANNOR	PEGAWAI FARMASI UF41	Lantikan Baru
13	EN. AHMAD HARITH IDHAM B NOOR AZMI	PEGAWAI FARMASI UF41	Lantikan Baru

SUMBER MANUSIA

SENARAI MAKLUMAT DIRI STAF FARMASI

Bil	Nama Pegawai	Jawatan	No APC
14	CIK NUR AINUN ANIS BINTI MOKHTAR	PEGAWAI FARMASI UF41 (KONTRAK)	Lantikan baru
15	MOHAMAD ZAWAWI BIN YAAKUB	PEN PEGAWAI FARMASI U36	-
16	PN. NIK SUHAIDA BINTI NIK ABDULLAH	PEN PEGAWAI FARMASI U32	-
17	PN. TEH BEE SEIK	PEN PEGAWAI FARMASI U32 (KUP)	-
18	PN FARAH NUR SYUHADA BINTI ALIAS	PEN PEGAWAI FARMASI U29	-
19	PN SAIDATUL NADIA BINTI MOHD ROZI	PEN PEGAWAI FARMASI U29	-
20	PN NUR SHAHIDA FATEHAH BINTI SAMSUL BAHARI	PEN PEGAWAI FARMASI U29	-
21	PN SITI HAJARUL SOFFIYA BINTI IBRAHIM	PEN PEGAWAI FARMASI U29	-
22	PN. ROSHITA BINTI SAAD	PEMB PERAWATAN KESIHATAN U14	-
23	PN ROSLIZA BINTI ISAHAK	PEMBANTU TADBIR N26 (TBK)	-
24	EN. MOHD FAIRUS BIN MOHD YAACOB	PEMB. TADBIR N22 (KUP)	-
25	PN RUZILA BINTI AHMAD PEMB. TADBIR N17 PEMB. RENDAH AM R1	PEMB. TADBIR W22 (TBK)	-
26	EN JASNI BIN SAUD	PEMB. TADBIR N22 (KUP)	-
27	EN BORHANUDDIN BIN MUHD NAWAWI	PEMBANTU AWAM H11	-

SKOP PERKHIDMATAN

FARMASI PESAKIT DALAM

Perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam merangkumi pembekalan ubat melalui sistem Unit of Dose, Floor Stock, serta troli kecemasan.

Menjalankan kaunseling ubat secara bedside dan semasa discaj pesakit.

Membuat rondaan wad secara berkala dijalankan untuk pemantauan terapi ubat

Pemantauan ke atas ubat terlarang dan psikotropik dilaksanakan bagi memastikan pematuhan kepada peraturan.



SKOP PERKHIDMATAN


FARMASI PESAKIT LUAR

Membekal ubat ubatan kepada pesakit dari kompleks klinik pakar, discaj wad dan unit kecemasan

Memberi kaunseling ubat ubatan kepada pesakit

Menjalankan perkhidmatan MTAC yang terdiri daripada diabetes, respiratori dan antikoagulasi.

Melaksanakan perkhidmatan tambah nilai (VAS) yang merangkumi pilihan seperti ubat melalui pos (UMP), Locker dan sistem pendispensan ubat bersepadu (SPUB)



SKOP PERKHIDMATAN FARMASI PESAKIT LUAR

SISTEM PEMBEKALAN UBAT KEPADA PESAKIT
(ISLAND DISPENSING)

1



Menerima dan menyaring preskripsi

2



Membuat label ubat

3



Mengisi ubat

4



Menyemak semula (counter checking)

5



Mendispens ubat kepada pesakit

SKOP PERKHIDMATAN

FARMASI PESAKIT LUAR

MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN MTAC DIABETES, RESPIRATORI DAN ANTIKOAGULASI

PENYELARAS MTAC



PUAN TUAN NUR MURNI SYAKINAH BT TUAN WIL
PEGAWAI FARMASI UF44

PEGAWAI FARMASI MTAC DIABETES



PUAN TUAN NUR SURIYA SYAKINAH BT TUAN WIL
PEGAWAI FARMASI UF44



PUAN WAN ZARILAH BT WAN SAZALI
PEGAWAI FARMASI UF54



ENCIK MUHAMMAD HUSNI B ABD SAMAD
PEGAWAI FARMASI UF44



CIK TENGGU NORSHAHARAH BT TENGGU MOHD NOHIM
PEGAWAI FARMASI UF44

PEGAWAI FARMASI MTAC RESPIRATORI



PUAN NOR NABILAH BT MOHAMED @ MOHAMAD
PEGAWAI FARMASI UF52



ENCIK MUHAMMAD FARIS B HUSSAIN
PEGAWAI FARMASI UF52

PEGAWAI FARMASI MTAC WARFARIN



PUAN MASNOR BT MAT DAUD
PEGAWAI FARMASI UF54



ENCIK MOHD 'IZZUDDIN BIN MOHD JAAFFAR
PEGAWAI FARMASI UF54



PUAN SITI NURSAFARINA BT MOHD SABRI
PEGAWAI FARMASI UF52



ENCIK MUHAMAD AFIQ AIMAN B AHMAD PAKRI
PEGAWAI FARMASI UF44



PUAN ANIL NASUHA BT MOHD NASIR
PEGAWAI FARMASI UF41

SKOP PERKHIDMATAN FARMASI PESAKIT LUAR

MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN MTAC DIABETES, RESPIRATORI DAN ANTIKOAGULASI

MTAC ANTIKOAGULASI



MTAC RESPIRATORI



MTAC DIABETES



SKOP PERKHIDMATAN FARMASI PESAKIT LUAR

MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH (VAS)

LOKER UBAT



UBAT MELALUI POS (UMP)



SKOP PERKHIDMATAN

FARMASI WAD

Menyemak preskripsi bagi memastikan dos, kekerapan dan interaksi ubat adalah sesuai serta selamat untuk pesakit.

Memberi kaunseling ubat ubatan kepada pesakit

Memberi kaunseling kepada pesakit secara bedside semasa rawatan dan semasa discaj, bagi memastikan pematuhan kepada ubat dan kefahaman terhadap terapi.

Terlibat dalam rondaan klinikal untuk memberi input berkaitan penggunaan ubat serta membantu dalam keputusan terapi pesakit.



SKOP PERKHIDMATAN

FARMASI LOGISTIK

Memastikan perolehan mematuhi peraturan perolehan kerajaan (contoh: tender, sebut harga).

Penyimpanan mengikut garis panduan seperti suhu, kelembapan dan First-Expiry-First-Out (FEFO).

Melaksanakan aktiviti kawalan stok seperti stock card, batch tracking, dan audit stok secara berkala.



SKOP PERKHIDMATAN

UNIT PUSAT MAKLUMAT UBAT DAN SUMBER FARMASI (PRIC)

Menjalankan kajian berkaitan amalan farmasi klinikal, logistik, pengurusan ubat dan polisi ubat

Menyediakan modul latihan, bengkel, dan kursus pembangunan profesional untuk ahli farmasi.

Menerbitkan jurnal, buletin, laporan penyelidikan dan artikel ilmiah berkaitan farmasi.



SKOP PERKHIDMATAN

FARMASI GALENIKAL

Aktiviti pembungkusan semula Unit Dose & bukan Unit Dose

Aktiviti pembungkusan semula sediaan eksternal

Pembekalan sediaan Non Steril (Sediaan Ekstemporaneous, Sediaan Internal dan Sediaan Eksternal).

Memastikan semua sediaan galenikal mematuhi Tatacara Penyediaan Pharmaseutikal (bukan Steril) di Hospital Kerajaan (PICS Guideline).



WAKTU PERKHIDMATAN

UNIT FARMASI

Ahad - Rabu	7.30 pagi- 9.00 malam
Khamis	7.30 pagi- 7.00 malam
Jumaat- Sabtu *Cuti umum	9.30 pagi- 12.30 malam 3.00 petang - 7 petang

FARMASI LOGISITK


Ahad - Rabu	7.30 pagi- 5.00 petang
Khamis	7.30 pagi- 3.30 petang
Jumaat- Sabtu *Cuti umum	Tutup

FASILITI DAN KEMUDAHAN



PENGURUSAN RISIKO KESELAMATAN

PENGGUNAAN SISTEM E-SUHU




ACCESS CARD KE UNIT LOGISTIK



PEMANTAUAN MELALUI CCTV DI FASILITI UNIT FARMASI



LAIN LAIN



AKTIVITI UNIT FARMASI

Mesyuarat Unit

Pada tahun 2024, Unit Farmasi telah mengadakan beberapa Mesyuarat Unit yang terdiri daripada Mesyuarat Unit yang melibatkan Ketua Pegawai Farmasi, Pegawai Farmasi Y/M dan Penolong Pegawai Farmasi Kanan, Mesyuarat Teknikal Farmasi, Mesyuarat Bersama Kakitangan dan Mesyuarat Jawatankuasa Ubat dan Terapeutik (JKUT). Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan isu berkaitan operasi harian unit, pencapaian perkhidmatan farmasi, pelaksanaan program pendidikan berterusan, perancangan aktiviti kebajikan serta penambahbaikan kualiti perkhidmatan farmasi di hospital.

BIL.	AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN	PENYELARAS
1.	Mesyuarat Unit (KPF, PF Y/M, PPF KANAN)	BIL 1: 21/2/2024 BIL 2: 5/5/2024 BIL 3: 19/6/2024 BIL 4: 11/12/2024	Puan Hasnah binti Ibrahim & Puan Wan Zamilah binti Wan Seman
2.	Mesyuarat Teknikal Farmasi	BIL 1: 22/1/2024 BIL 2: 11/11/2024	Puan Hasnah binti Ibrahim & Puan Wan Zamilah binti Wan Seman
3.	Mesyuarat Bersama Kakitangan	BIL 1: 13/3/2024	Puan Hasnah binti Ibrahim & Puan Wan Zamilah binti Wan Seman
4.	Mesyuarat JKUT	BIL 1: 4/8/2024 BIL 2: 18/12/2024	Puan Hasnah binti Ibrahim & Puan Wan Zamilah binti Wan Seman

AKTIVITI UNIT FARMASI



Sekitar Mesyuarat JKUT yang diadakan pada 4 Ogos 2024 yang melibatkan Pengarah Hospital, Pakar Perubatan, MO, PF, dan Ketua Unit

AKTIVITI UNIT FARMASI

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah satu pengiktirafan yang diberikan kepada pegawai perkhidmatan awam di bawah KKM yang menunjukkan prestasi kerja yang luar biasa dan cemerlang dalam menjalankan tugas serta sumbangan mereka. Staf Unit Farmasi yang telah mendapat APC ialah Puan Siti Hajarul Soffiya binti Ibrahim dan Encik Jasni bin Saud.



Puan Siti Hajarul Soffiya binti
Ibrahim
Penolong Pegawai Farmasi U29



Encik Jasni bin Saud
Pembantu Awam H11

AKTIVITI UNIT FARMASI

Majlis Perpisahan Staf Unit Farmasi

Unit Farmasi telah menganjurkan beberapa majlis perpisahan bagi menghargai sumbangan dan jasa staf yang bertukar unit, bertukar fasiliti, tamat latihan atau dinaikkan pangkat. Antaranya ialah:

- Majlis pertukaran unit Encik Zulkifli, Pembantu Tadbir Unit Logistik
- Majlis perpisahan Pegawai Farmasi PRP Syed dan PRP Firdaus pada 21 Jun 2024
- Majlis perpisahan Pegawai Farmasi Cik Masturina, Cik Yanie dan Cik Azma pada 29 Februari 2024
- Majlis perpisahan Puan Masnor yang diadakan pada 4 September 2024 di Unit Logistik
- Majlis perpisahan pada 21 November 2024 bagi meraikan pertukaran Encik 'Izzuddin, Encik Afiq dan Cik Shaherah ke fasiliti masing-masing



AKTIVITI UNIT FARMASI

Anugerah Bersama Duta-Duta

ANUGERAH BEKWOH KUA 2024



ANUGERAH PTJ



ANUGERAH KHAS



AKTIVITI UNIT FARMASI

Sambutan Hari Raya Unit Farmasi Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi

Sambutan Hari Raya berserta Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi Puan Wan Hamidah dan Encik Haji Rahim. Puan Wan Hamidah telah berkecimpung di unit farmasi HTA selama 31 tahun bermula pada 1993 dan bersara pada tahun 2024. Encik Haji Rahim mula bertugas di Substor Pesakit Luar pada 15/8/23. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pegawai Farmasi U38 dan berpindah ke Kedah.



Sambutan Majlis Hari Raya Unit Farmasi dengan Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi Puan Wan Hamidah dan Encik Haji Rahim

AKTIVITI UNIT FARMASI

Continuous Medical Education (CME) & Case Discussion

Unit Farmasi telah melaksanakan beberapa sesi CME dan perbincangan kes klinikal secara berkala yang melibatkan penyertaan aktif daripada pegawai farmasi dan penolong pegawai farmasi. Aktiviti ini telah dijalankan pada hari-hari tertentu setiap bulan. Matlamat utama aktiviti ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran klinikal anggota farmasi dalam memberikan perkhidmatan farmasi yang lebih efektif dan selamat kepada pesakit. Selain itu, ia juga menjadi platform bagi meningkatkan komunikasi, semangat kerjasama serta budaya pembelajaran berterusan dalam kalangan staf farmasi.



Beberapa program CME yang dijalankan di Unit Farmasi Pesakit Luar

AKTIVITI UNIT FARMASI

Kursus Keselamatan Pengubatan 2024

Pada 21 Julai 2024, Unit Farmasi telah menganjurkan Kursus Keselamatan Perubatan bertempat di Dewan Rufaida, Hospital Tengku Anis. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan aspek keselamatan dalam pengendalian, penyimpanan, serta pemberian ubat-ubatan dalam kalangan anggota kesihatan. Program ini telah melibatkan penyertaan daripada pelbagai kategori staf kesihatan termasuk pegawai farmasi, penolong pegawai farmasi, jururawat dan pembantu perawatan kesihatan. Antara topik yang dibentangkan termasuk pengurusan insiden medication error, pengenalpastian high alert medication (HAMS), serta strategi pencegahan risiko berkaitan penggunaan ubat.



Sepanjang Kursus Keselamatan Perubatan 2024 yang dijalankan di Dewan Rufaida

AKTIVITI UNIT FARMASI

Audit Dalaman Amalan Farmasi 2024

Audit Dalaman Amalan Farmasi (ADAF) bagi tahun 2024 telah dilaksanakan pada 13 Ogos 2024 bertempat di Unit Farmasi, Hospital Tengku Anis. Audit ini dijalankan sebagai sebahagian daripada inisiatif penambahbaikan berterusan dalam memastikan pematuhan terhadap garis panduan dan piawaian amalan farmasi yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Skop audit merangkumi aspek dokumentasi, penyimpanan ubat, pengurusan stok, pelaksanaan perkhidmatan farmasi klinikal serta amalan penyediaan ubat yang selamat. Pasukan audit dalaman telah menjalankan semakan menyeluruh terhadap semua sub-unit termasuk Farmasi Pesakit Luar, Farmasi Pesakit Dalam, dan Farmasi Logistik.



Sesi ADAF di Unit Farmasi

AKTIVITI UNIT FARMASI

Sambutan Hari Farmasi Sedunia 2024

Sempena sambutan Hari Farmasi Sedunia 2024, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, JKNK telah menganjurkan program kesedaran awam yang berlangsung pada 21 September 2024 bertempat di Mydin Tunjong, Kota Bharu, Kelantan. Unit Farmasi HTA dan PKDPP berkolaborasi dalam menjayakan Reruai Keselamatan Pengubatan dalam program tersebut. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan ahli farmasi dalam sistem penjagaan kesihatan serta memperkukuh hubungan antara ahli farmasi dan komuniti. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program, termasuklah pameran poster-poster kesihatan, pemeriksaan kesihatan asas seperti tekanan darah dan paras glukosa, serta aktiviti larian mini dan zumba. Ia merupakan salah satu inisiatif berterusan bagi mempromosikan penggunaan ubat yang selamat dan berkesan di kalangan masyarakat.



AKTIVITI UNIT FARMASI

Program Farmasi Santuni Komuniti - Warga Pondok YAACOB SAMBA

Pada 9 September 2024, Unit Farmasi telah menganjurkan satu program khidmat masyarakat bertemakan "Farmasi Santuni Komuniti" yang telah berlangsung di Pondok Yaacob Samba. Program ini bertujuan untuk menyampaikan pendidikan kesihatan dan kefahaman mengenai penggunaan ubat secara selamat kepada golongan warga emas serta pelajar pondok. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah sesi kaunseling ubat secara individu, pemeriksaan kesihatan asas (tekanan darah dan paras gula), serta pemberian risalah pendidikan kesihatan. Program ini turut memberi ruang kepada warga pondok untuk bertanya secara terus kepada ahli farmasi mengenai isu berkaitan ubat-ubatan mereka.



Sesi Farmasi Bersama Komuniti di Pondok Yaacob Samba

AKTIVITI UNIT FARMASI

Program Bersama Duta Kenali Ubat Anda Sepanjang 2024

Unit Farmasi telah melaksanakan beberapa program bersama Duta Kenali Ubat Anda sebagai usaha berterusan dalam memperkasakan peranan pendidikan kesihatan kepada masyarakat. Program-program ini melibatkan penglibatan aktif para duta dalam menyampaikan maklumat berkaitan penggunaan ubat yang selamat, kepentingan kepatuhan kepada rejimen ubat, serta meningkatkan kesedaran orang awam terhadap peranan ahli farmasi. Antara pengisian program termasuklah pameran Kenali Ubat Anda, Home Medication Review (HMR) bersama penduduk setempat dan duta-duta, ceramah pendidikan kesihatan, aktiviti interaktif seperti kuiz dan permainan berkaitan ubat-ubatan, serta edaran risalah dan bahan pendidikan.



Program bersama Duta Kenali Ubat Anda

AKTIVITI UNIT FARMASI

Sambutan Hari Keluarga Hospital Tengku Anis 2024

Pada 28 September 2024, Unit Farmasi telah menyertai Sambutan Hari Keluarga yang telah dianjurkan oleh Kelab Hospital Tengku Anis yang berlangsung meriah di Pantai Kala-kala, Pasir Puteh. Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim dan membina semangat kekitaan dalam kalangan warga hospital serta ahli keluarga masing-masing. Pelbagai aktiviti menarik telah dianjurkan sepanjang hari seperti sukaneka, cabutan bertuah, permainan untuk kanak-kanak serta acara santai tepi pantai. Program ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan sesama staf, malah menyumbang kepada kesejahteraan mental dan keseimbangan antara kehidupan kerja dan keluarga.



Sambutan Hari Keluarga di Pantai Kala-kala

AKTIVITI UNIT FARMASI

Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2024

Unit Farmasi telah menyertai sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2024 pada 16 Disember 2024 bertempat di perkarangan hospital. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk pameran keselamatan pesakit, kuiz interaktif, edaran risalah pendidikan, serta demonstrasi berkaitan langkah-langkah keselamatan dalam pengendalian ubat dan prosedur rawatan. Unit Farmasi turut serta dalam sambutan ini melalui penyediaan maklumat mengenai penggunaan ubat secara selamat, pengenalan ubat high alert, serta langkah-langkah pencegahan medication error. Penyertaan aktif daripada warga hospital dan pengunjung telah menyemarakkan lagi sambutan ini.



AKTIVITI UNIT FARMASI

Sambutan Dinner Unit Farmasi bertemakan “Majestic Whimsical Pharmnight”

Sambutan Dinner Unit Farmasi bertemakan ‘Majestic Whimsical Pharmnight’ telah berlangsung dengan meriah pada 31 Oktober 2024 bertempat di Hotel Ibis Styles. Majlis ini bukan sahaja menjadi medan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga farmasi, malah turut diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik.



Sambutan Dinner Unit Farmasi di Hotel Ibis Styles


AKTIVITI UNIT FARMASI

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Projek KIK, Projek QA, dan Projek LEAN

BIL.	TAJUK	AHLI KUMPULAN
1.	RND: The Evaluation of Antimicrobial Stewardship Programme on Patient's Clinical Outcomes at Hospital Tengku Anis	<ul style="list-style-type: none">• Mohd Izzuddin bin Mohd Jaaffar• Ainil Nasuha binti Nasir• Nur Ainun Anis binti Mokhtar• Hasnah Ibrahim
2.	QA: Meningkatkan Peratus Pesakit yang Mempunyai Tahap Kawalan Asma yang Baik	<ul style="list-style-type: none">• Muhammad Faris Hussain• Muhammad Husni Abd Rahman• Ahmad Harith Idham
3.	KIK: Pharma Poly-PAED (Nama Kumpulan: Pharma-Tots)	<ul style="list-style-type: none">• Tuan Nur Murni Syakinah• Muhammad Afiq Aiman• Tengku Norshaherah• Siti Hajarul Soffiya
4.	LEAN: Menambahbaik Masa Menunggu di Farmasi Pesakit Luar HTA ketika Lawatan Klinik Dermatologi	<ul style="list-style-type: none">• Nur Nabilah Mohamad• Teh Bee Seik

STATISTIK DAN RETEN


Pencapaian Kaunseling Farmasi Pesakit Luar 2022 - 2024



Graf bar menunjukkan perbandingan antara sasaran dan pencapaian kaunseling farmasi pesakit luar bagi tahun 2022 hingga 2024, dengan setiap tahun menetapkan sasaran yang sama iaitu sebanyak 1,770 sesi. Pada tahun 2022, pencapaian adalah sebanyak 1,772 sesi, melepasi sasaran dengan 2 sesi. Peningkatan berterusan dicatatkan pada tahun 2023 dengan 1,807 sesi, iaitu peningkatan sebanyak 35 sesi berbanding tahun sebelumnya. Prestasi terus meningkat pada tahun 2024 dengan 1,880 sesi, melepasi sasaran sebanyak 110 sesi dan menunjukkan peningkatan 73 sesi berbanding tahun 2023. Secara keseluruhan, data ini menggambarkan prestasi yang konsisten dan meningkat sepanjang tempoh tiga tahun.

STATISTIK DAN RETEN


Jumlah Perkhidmatan Tambah Nilai / VAS 2022 - 2024



Graf di atas menunjukkan perbandingan bagi jumlah perkhidmatan tambah nilai daripada tahun 2022 hingga tahun 2024.

STATISTIK DAN RETEN


Jumlah Bilangan Farmakoterapi MTAC 2022 - 2024



Graf di atas menunjukkan perbandingan bagi jumlah perkhidmatan MTAC daripada tahun 2022 hingga tahun 2024.

STATISTIK DAN RETEN

Pencapaian CP1 Pesakit di Wad 2022 - 2024




Wad	CP1 2022	CP1 2023	CP1 2024
Wad Lelaki	784	926	923
Wad Perempuan	644	705	884
Wad Kanak-kanak	41	75	0

Graf menunjukkan pencapaian CP1 pesakit di wad dari tahun 2022 hingga 2024. Wad Lelaki mencatat peningkatan dari 784 pesakit (2022) kepada 926 (2023), sebelum sedikit menurun kepada 923 (2024). Wad Perempuan pula menunjukkan peningkatan dari 644 (2022) kepada 705 (2023) dan 884 (2024). Bagi Wad Kanak-kanak, pencapaian meningkat dari 41 (2022) kepada 75 (2023). Secara keseluruhan, pencapaian di Wad Lelaki dan Perempuan menunjukkan prestasi memberangsangkan.

STATISTIK DAN RETEN

Pencapaian CP2 Pesakit di Wad 2022 - 2024




Wad	CP2 2022	CP2 2023	CP2 2024
Wad Lelaki	699	809	871
Wad Perempuan	637	708	566
Wad Kanak-kanak	244	460	16

Graf menunjukkan pencapaian CP2 pesakit di wad dari tahun 2022 hingga 2024. Wad Lelaki menunjukkan peningkatan daripada 699 pesakit (2022) kepada 809 (2023) dan 871 (2024). Wad Perempuan mencatat peningkatan daripada 637 (2022) kepada 708 (2023), namun menurun kepada 566 (2024). Bagi Wad Kanak-kanak, terdapat peningkatan dari 244 (2022) kepada 460 (2023), tetapi menurun kepada hanya 16 pesakit pada tahun 2024.

STATISTIK DAN RETEN


Jumlah Bilangan Pertanyaan Berkaitan Ubat-Ubatan



Graf di atas menunjukkan perbandingan bilangan pertanyaan berkaitan ubat-ubatan dan racun yang diterima oleh perkhidmatan maklumat ubat bagi tahun 2022 hingga 2024 mengikut kategori pertanyaan.

STATISTIK DAN RETEN

Jumlah Bilangan Pertanyaan Berkaitan Ubat-Ubatan



Kategori	2022	2023	2024
0 Dos	203	267	124
1 Keracunan	0	1	0
2 Kesan sampingan	22	19	4
3 Indikasi	28	9	4
4 Interaksi	9	13	3
5 Kontraindikasi	12	15	5
6 Farmakokinetik	5	6	6
7 Pharmaceutical availability	47	69	38
8 Pharmaceutical identification	13	1	0
9 Pharmaceutical compatibility	0	5	3
10 Maklumat am produk	67	31	9
11 Lain-lain	7	40	11
12 Jumlah	413	476	210

Graf di atas menunjukkan perbandingan jumlah pertanyaan berkaitan ubat-ubatan dan racun yang diterima

STATISTIK DAN RETEN

BILANGAN KAUNSELING FARMASI PESAKIT DALAM (2022-2024)




Graf di atas menunjukkan jumlah kaunseling farmasi pesakit dalam yang merangkumi dua jenis utama kaunseling, iaitu kaunseling secara bedside dan kaunseling semasa discaj. Kaunseling bedside pula terbahagi kepada kaunseling baru, yang diberikan kepada pesakit yang pertama kali menerima ubat, dan kaunseling susulan, iaitu bagi tujuan pemantauan berterusan serta pengukuhan kefahaman pesakit terhadap ubat-ubatan mereka.

Secara keseluruhan, jumlah kaunseling menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2023 berbanding 2022, iaitu dengan peningkatan sebanyak 1,037 sesi. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan pada tahun 2024 dengan hanya 2,450 sesi direkodkan, berbanding 3,898 sesi pada tahun sebelumnya. Penurunan ini berkemungkinan berpunca daripada beberapa faktor seperti penurunan jumlah kemasukan pesakit, kekangan sumber manusia, atau perubahan dalam keperluan pemberian kaunseling.

STATISTIK DAN RETEN


BILANGAN PERMOHONAN TDM DITERIMA (2022-2024)



Graf ini memaparkan bilangan permohonan Therapeutic Drug Monitoring (TDM) yang diterima dari tahun 2022 hingga 2024. Pada tahun 2022, tiada rekod permohonan TDM direkodkan. Pada tahun 2023, sebanyak 83 permohonan TDM telah direkodkan, menandakan permulaan pelaksanaan perkhidmatan ini secara aktif. Pada tahun 2024, jumlah permohonan meningkat lagi kepada 130 permohonan, iaitu peningkatan sebanyak 47 permohonan berbanding tahun sebelumnya. Bilangan jenis ubat yang dipantu di hospital adalah 9 termasuk vancomycin gentamicin. Ini menunjukkan trend menaik yang positif, mencerminkan peningkatan kefahaman dan kerjasama antara pasukan klinikal dan farmasi dalam melaksanakan TDM sebagai sebahagian daripada penjagaan farmaseutikal berasaskan bukti.

STATISTIK DAN RETEN

BILANGAN PRESKRIPSI FARMASI PESAKIT DALAM (2022-2024)



Kategori	2022	2023	2024
0 Preskripsi Baru	32515	35332	28501
1 Preskripsi Ulangan	53547	39093	45557
2 Jumlah	86062	74425	74058

Graf di atas menunjukkan bilangan preskripsi baru dan ulangan yang diterima oleh Farmasi Pesakit Dalam bagi tahun 2022 hingga 2024. Tahun 2022 mencatat jumlah tertinggi iaitu 86,062 preskripsi, diikuti penurunan kepada 74,425 pada tahun 2023 dan sedikit penurunan lagi kepada 74,058 pada tahun 2024.

STATISTIK DAN RETEN

BILANGAN PEMBUNGKUSAN SEMULA UBAT (2022-2024)




Graf menunjukkan tren pembungkusan semula ubat biji dan ubat cecair yang direkodkan di Hospital Tengku Anis bagi tempoh tiga tahunan. Pada tahun 2022, sebanyak 69,704 unit ubat biji telah dibungkus semula, manakala 14,076 unit ubat cecair dicatatkan. Bagi tahun 2023, terdapat peningkatan kepada 80,342 unit ubat biji. Manakala ubat cecair meningkat sedikit kepada 14,983 unit, yang terdiri daripada 1,641 ubat cecair internal dan 13,342 ubat cecair external.

Pada tahun 2024, pembungkusan semula ubat biji meningkat kepada 128,134 unit. Jumlah ubat cecair menurun kepada 7,541 unit (gabungan 2,350 internal dan 5,191 external). Secara keseluruhannya, ubat biji menunjukkan peningkatan konsisten setiap tahun dan menyumbang kepada majoriti kerja pembungkusan semula farmasi.

STATISTIK DAN RETEN

Bilangan Item yang Dibekalkan oleh Farmasi Pesakit Dalam (2022-2024)




Berikut adalah carta garis yang menunjukkan Bilangan Item Dibekalkan oleh Farmasi Pesakit Dalam untuk tahun 2022 hingga 2024. Dalam carta ini, UDS (Unit Dose System) ditunjukkan dengan warna biru, manakala Stok Wad ditunjukkan dengan warna hijau. Nilai bilangan item bagi setiap titik pada graf juga telah dipaparkan.

Nota:

- UDS merujuk kepada sistem dos unit yang digunakan untuk membekalkan ubat secara individu dalam dos yang telah ditetapkan

STATISTIK DAN RETEN


Jumlah Nilai Stok yang Dikendalikan (2022-2024)



Graf ini menunjukkan perbandingan jumlah peruntukan dan perbelanjaan tahunan bagi stok yang dikendalikan oleh unit farmasi Hospital Tengku Anis dari tahun 2022 hingga 2024.

STATISTIK DAN RETEN

Pemantauan KPI (2022-2024)



Graf di atas menunjukkan peratus preskripsi didispens dalam masa 30 minit bagi tempoh Jan - Dis 2022, 2023 dan 2024. Peratusan preskripsi didispens dalam tempoh 30 minit di Unit Farmasi Pesakit Luar Hospital Tengku Anis mencapai sasaran bagi Jan – Mei 2024 bagi Key Performance Indicator (KPI 2B) Pemantauan Masa Menunggu Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM iaitu sekurang-kurangnya 95% preskripsi didispens dalam tempoh 30 minit. Walaubagaimanapun, sasaran ini tidak dicapai pada Jun dan Julai 2024

STATISTIK DAN RETEN

Pemantauan KPI (2022-2024)




Graf di atas menunjukkan Perbandingan Purata Masa Menunggu di Kaunter Farmasi Pesakit Luar Bagi Tempoh Jan – Jun 2022, 2023 dan 2024

STATISTIK DAN RETEN

Statistik Sistem Pelaporan Kesilapan Pengubatan (2022-2024)




Graf di atas menunjukkan perbandingan bilangan kesilapan preskripsi bagi tahun 2022, 2023 dan 2024



Graf di atas menunjukkan perbandingan peratus kesilapan preskripsi bagi tahun 2022, 2023 dan 2024

STATISTIK DAN RETEN

Peratus Kesilapan Preskripsi Dari Jan - Dis (2022-2024)



Graf di atas menunjukkan perbandingan peratus kesilapan preskripsi antara Jan - Dis bagi tahun 2022, 2023 dan 2024



HOSPITAL TENGGU ANIS

WAN ZAMILAH BINTI WAN SEMAN
NO. PENDAFTARAN RPh: 6242
PEGAWAI FARMASI UF14
HOSPITAL TENGGU ANIS
16800 PASIR PUTEH, KELANTAN

DISEDIAKAN OLEH:

WAN ZAMILAH BINTI WAN SEMAN
PEGAWAI FARMASI UF14
HOSPITAL TENGGU ANIS

HASNAH BINTI IBRAHIM
No. Pendaftaran RPh 2003
Ketua Pegawai Farmasi UF14
Hospital Tengku Anis
16800 Pasir Puteh, Kelantan

DISEMAK OLEH:

PUAN HASNAH BINTI IBRAHIM
KETUA PEGAWAI FARMASI,
HOSPITAL TENGGU ANIS

DR. MUHAMAD FIDAE BIN ABDUL KADIR
No. Pendaftaran Penuh MPM : 40493
Pengarah Hospital
Hospital Tengku Anis
16800 Pasir Puteh, Kelantan.

DISAHKAN OLEH:

DR MUHAMAD FIDAE BIN ABDUL KADIR
PENGARAH HOSPITAL,
HOSPITAL TENGGU ANIS,

